

30 SEP 2003

LIMA-Super Lynx

TLDM TERIMA SUPER LYNX 300 MILIKNYA YANG PERTAMA

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Syarikat pertahanan Eropah, Agusta Westland hari ini menyerahkan secara rasmi helikopter penyerang maritim "Super Lynx 300" yang pertama dari enam yang ditempah kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Helikopter serba moden itu diserahkan dalam satu majlis menandatangani perjanjian penyerahan di antara Pengawal Tentera Laut Diraja British, Kementerian Pertahanan Britain, Nigel Guild dan Panglima TLDM Laksamana Datuk Mohd Anwar Mohd Nor.

Turut sama menyaksikan upacara itu yang diadakan bersempena Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 03) ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Malaysia dan syarikat Agusta Westland telah menandatangani perjanjian pembelian enam buah helikopter Super Lynx 300 itu beberapa tahun lepas yang membabitkan kos RM700 juta.

Helikopter Super Lynx 300 TLDM yang pertama itu akan dipandu oleh Lt Komander Ajazi Jamaluddin dan dibantu oleh pegawai teknikalnya, Lt Zamri Ismail.

Helikopter Super Lynx 300 yang akan ditempatkan di atas geladak kapal-kapal friget F200 milik TLDM KD Lekiu dan KD Lekir serta kapal yang lain itu merupakan helikopter penyerang maritim yang termoden di dalam kelasnya.

Helikopter milik TLDM itu amat berlainan jika dibandingkan dengan versi awal Super Lynx memandangkan ia akan dilengkapi dengan kokpit gelas digital, radar pengimbas 360 darjah, pengukur sokongan elektronik, rangkaian data dan "forward looking infra red" atau FLIR bagi operasi malam.

Selain itu, helikopter Super Lynx TLDM itu yang mempunyai kelajuan maksimum sebanyak 175 knot sejam turut akan dilengkapi dengan persenjataan moden seperti peluru berpandu anti-kapal jenis "Sea Skua" serta torpedo.

Ia juga berupaya mengawal panduan bagi pelancaran peluru berpandu jarak jauh memandangkan ia juga dilengkapi dengan sistem "Over-the-Horizon Missile Guidance System".

Seramai 36 anggota TLDM termasuk kakitangan teknikal dan juruterbang telah dihantar ke Yeovil, Britain untuk dilatih oleh syarikat Agusta Westland bagi mengendalikan helikopter maritim tersebut.

Sehingga hari ini, lima buah helikopter Super Lynx 300 telahpun dihantar ke Malaysia bagi menjalani ujian-ujian teknikal sebelum diserahkan secara rasmi kepada TLDM tidak lama lagi manakala sebuah lagi helikopter itu masih berada di Britain bagi menjalani ujian penembakan peluru berpandu "Sea Skua."

-- BERNAMA

MHI MUN ROS PR